

26 SEP 2000

Dadah-Kempen/I

GEREJA TURUT SERTA KEMPEN BANTERAS DADAH DI PUSAT HIBURAN

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Gereja Tamil Methodist Kuala Lumpur (TMC KL) di Brickfields, yang terletak di antara kawasan utama pengedaran dadah di bandaraya akan menganjurkan kempen anti dadah selama dua hari bermula 30 Sept.

Gereja itu akan berganding bahu dengan polis, Pemadam dan Agensi Dadah Kebangsaan cawangan Wilayah Peesekutuan untuk memerangi penyalahgunaan dadah dan mewujudkan kesedaran yang lebih akan gejala AIDS.

Paderi kanan gereja itu Rev Victor Vethamani berkata di sini, hari ini, kempen itu akan dirasmikan oleh Datin Paduka Marina Mahathir di perkarangan gereja itu pada 9.15 pagi Sabtu ini.

Paderi itu berkata, kawasan sekeliling TMC KL terdapat banyak kawasan setinggan dan penyalahgunaan dadah berleluasa. Juga terdapat rumah-rumah tumpangan yang menjadi sarang pelacuran dan penyumbang kepada masalah HIV.

"Jawatankuasa Sosial gereja itu dari masa ke masa berusaha membantu penagih dadah, anggota keluarga mereka dan juga mereka yang HIV positif," katanya.

"Selagi kita tidak berbuat sesuatu untuk meningkatkan kesedaran di kalangan muda-mudi di kawasan ini, keadaan hanya akan bertambah buruk. Pemadam, polis dan pihak berkenaan lain memerlukan bantuan sebanyak mana yang boleh untuk membanteras gejala ini."

Pelajar-pelajar sekolah di Brickfields dan Malaysian Care, sebuah NGO yang terbabit dalam memulihkan penagih dadah dan bekas banduan telah dijemput untuk menyertai kempen anti dadah itu.

Sempena kempen itu satu pameran juga akan diadakan mengenai masalah dadah, demonstrasi anjing polis dan satu seminar dengan topik-topik pemulihan dadah, penalti bagi penyalahgunaan dadah dan masalah HIV/Aids.

-- BERNAMA

DSR ZS PR